

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PEMBUKAAN RASMI MENARA MAYBANK

TEMPAT: JALAN TUN PERAK, KUALA LUMPUR

TARIKH: 10 JUN 1988

MASA:

Yang Berbahagia Tan Sri Hashim Aman,
Pengerusi Malayan Banking Berhad;
Lembaga Pengarah Malayan Banking;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-dif Kehormat;
Tuan-tuan dan Puan-puan.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Malayan Banking kerana menjemput saya melakukan upacara pembukaan rasmi Menara Maybank ini. Sebagai sebuah bangunan yang tertinggi dan indah di ibukota, bangunan ini akan menjadi satu lagi mercutanda bagi bandaraya Kuala Lumpur. Saya berharap bangunan ini akan sentiasa diselenggarakan dengan baik terutama landscapingnya supaya ianya menjadi satu kebanggaan kepada kita semua.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

2. Pentadbiran kewangan negara dilaksanakan untuk membantu pertumbuhan ekonomi serta memberi galakan kepada pelaburan sektor swasta. Hasil daripada pentadbiran kewangan yang baik ialah pemulihan ekonomi yang kita lihat sekarang yang diasaskan kepada kos pengeluaran kita yang competitive. Jika kita ingat bahawa pemulihan ekonomi dunia masih tidak dapat menolong ekonomi banyak negara-negara membangun, kita akan sedar bahawa kejayaan kita adalah suatu pencapaian yang boleh dibanggakan.

3. Pengurusan kewangan negara adalah pragmatik dan tidak dipengaruhi oleh perasaan kebanggaan yang palsu atau false pride. Janganlah ada sesiapa yang kecewa kerana matawang kita turun nilainya. Sebenarnya, pemulihan ekonomi kita diasaskan kepada competitiveness eksport kita. Namun demikian, taraf hidup kita tidak terjejas kerana inflasi di negara kita rendah, iaitu pada kadar 1% setahun sahaja, dibandingkan dengan 5% hingga 7% di masa dahulu. Selagi nilai matawang kita rendah, selama itu kita tidak akan mengimport inflasi dan imbangan bayaran kita akan menjadi lebih kukuh.

4. Seperti biasa dasar dan usaha Kerajaan sahaja tidak memadai untuk menjaga kekuatan kewangan dan ekonomi negara. Dalam soal ini, bank-bank perdagangan memainkan peranan yang amat penting. Mereka boleh menentukan sama ada dasar-dasar

kewangan Kerajaan berkesan ataupun tidak. Justeru itu, bank tidak boleh hanya memikirkan kepentingan jangka pendek dirinya sahaja. Pandangan yang lebih luas dan kepentingan jangka panjang adalah lebih penting, terutama apabila bank cuba mengatasi masalah hutang lapuk yang dialami di waktu kemelesetan ekonomi. Harus diingat bahawa bank juga bertanggungjawab terhadap hutang yang lapuk kerana tidak menimbang dengan teliti semasa memberi hutang, terutama di waktu makmur dahulu.

5. Saya sangat berbangga dengan tindakan Maybank yang telah berusaha meringankan beban pelanggan-pelanggannya yang menghadapi kesukaran akibat kelembapan ekonomi dua-tiga tahun yang lalu. Semua institusi kewangan harus dapat membezakan kesukaran kewangan yang disebabkan oleh kecuaiian pihak pengurusan dan kakitangan dengan kesukaran yang disebabkan oleh kemelesetan ekonomi. Dalam suasana ekonomi yang tumbuh dengan kadar yang membanggakan ini, seharusnya perusahaan dan perniagaan pun boleh dimajukan semula dan perniagaan yang lemah dahulu bolehlah dipulihkan kembali.

6. Walau bagaimanapun saya ingin menyentuh sedikit tentang pinjaman-pinjaman yang lapuk atau 'bad debts' dan kadar faedah. Kadar pinjaman atau lending rate masih tinggi dan ini menjadikan jurang perbezaan antara kadar pinjaman itu dan kos deposit atau simpanan bertambah luas. Kadar pinjaman yang tinggi ini adalah salah satu faktor yang menjadikan pinjaman tidak berbayar atau non-performing loans. Kadar faedah yang tinggi semasa ekonomi kita baru hendak pulih selepas mengalami kelembapan akan menyebabkan pinjaman-pinjaman lapuk ini tidak berkurangan. Semasa kelembapan ekonomi setahun dua yang lalu, bank-bank telah mengenakan kadar faedah penalti ke atas peminjam yang cuai bagi memaksa pembayaran balik pinjaman mereka. Kesan tindakan seperti itu ialah peminjam semakin dibebankan dengan pinjaman dan semakin ramai yang tidak mampu membayar. Jika peminjam menjadi muflis, bank tidak akan dapat mengatasi masalah hutangnya. Sebaliknya, jika bank dapat membimbing peminjam-peminjam, termasuk memberi pinjaman baru jika ini sahaja yang akan memulihkan keadaan kewangan mereka, akhirnya bank mungkin akan mendapat balik wang mereka. Seperti juga dengan perniagaan-perniagaan lain, bank mesti menerima risiko pelaburannya.

7. Kita tahu bahawa mengenakan penalti kepada orang-orang yang tidak dapat membayar balik hutang, tidak selalunya menolong bank. Sebaliknya, peminjam-peminjam akan dibebankan lagi dan pemulihan perniagaan mereka tidak dapat dicapai. Percubaan menampung kerugian bank dengan menaikkan kadar faedah kepada semua peminjam baru bermakna mendera orang yang tidak bersalah kerana kesilapan orang lain, termasuk kesilapan bank sendiri. Akhirnya, jika kerana kadar faedah tinggi menyebabkan perniagaan terganggu, ekonomi tidak dapat dipulihkan dan bank juga tidak akan mendapat apa-apa manfaat.

8. Adalah diharapkan bank-bank akan mencari satu pendekatan baru yang bersesuaian dengan perkembangan-perkembangan yang baik dalam ekonomi kita. Pinjaman-pinjaman yang mempunyai peluang atau prospek untuk menjadi pinjaman berbayar atau performing loans haruslah diberi pertimbangan dan galakan yang sepatutnya. Tindakan yang mungkin dilakukan termasuklah mengurangkan kadar pinjaman ke paras yang berpatutan bagi pinjaman yang tidak berbayar. Saya berharap bank-bank akan bekerjasama dengan para peminjam mereka bagi memastikan kedua-dua pihak mendapat manfaat.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Semenjak dua tahun yang lalu, Bank Negara telah melaburkan modal tidak kurang daripada \$650 juta Ringgit ke dalam struktur ekuiti 3 buah bank perdagangan tempatan yang menghadapi masalah kewangan. Sekarang ini bank-bank tersebut bukan sahaja dapat meneruskan operasi mereka, bahkan mempunyai kemungkinan besar untuk mendapatkan keuntungan. Beberapa tahun dahulu terdapat bank-bank lain yang terpaksa diselamatkan oleh Kerajaan atau oleh Bank Negara. Kerajaan terpaksa melaksanakan beberapa langkah seperti mengubah keanggotaan lembaga pengurusan dan memperbaiki prosedur-prosedur kerja bagi memulihkan prestasi bank-bank tersebut.

10. Berbagai faktor boleh kita ketengahkan yang telah menyebabkan terjadinya gejala buruk ini. Salah satu sebabnya mestilah berkaitan dengan pengurusan yang tidak cekap dan tidak amanah. Saya pernah menyatakan bahawa sebenarnya bank dan lain-lain institusi kewangan, berniaga bukan sahaja dengan wang tetapi juga berniaga dengan ...10/- amanah, bahkan amanah adalah komoditi jual-beli institusi kewangan. Tanpa amanah, bank dan institusi kewangan lain tidak akan dipercayai oleh para pelanggan untuk menyimpan wang atau untuk membuat urusan kewangan yang lain. Justeru itu, bank perdagangan dan lain-lain institusi kewangan haruslah mempunyai pengarah dan pengurus yang mengambil berat dan meneliti perjalanan bank untuk menjaga kredibilitinya.

11. Saya berharap bank-bank dan institusi-institusi kewangan yang ingin mewujudkan amanah ini hendaklah menanamkan semangat ini di kalangan para eksekutif dan kakitangan mereka. Apabila bank dan institusi kewangan terkenal kerana mempunyai pengurusan yang beramanah, barulah mereka mempunyai kredibiliti dan keutuhan untuk berfungsi dengan cekap dan baik. Justeru itu, adalah diharapkan Maybank, di mana Kerajaan mempunyai kepentingan yang tinggi, akan sentiasa menjunjung prinsip amanah dan juga tidak akan membiarkan penyalahgunaan kuasa melanda bank ini.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih

kepada Lembaga Pengarah dan Pengurusan Malayan Banking kerana menjemput saya untuk merasmikan Menara yang indah ini. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya keindahan bangunan ini akan menebalkan lagi semangat dan kesungguhan semua eksekutif dan kakitangan bank ini dan anak-anak syarikatnya untuk terus menempa kejayaan yang lebih tinggi pada masa hadapan.

13. Dengan harapan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Menara Maybank ini.
Sekian, terima kasih.